

## MENANGANI PENIPUAN SIBER DAN PELABURAN PALSU BERDASARKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

### *DEALING WITH CYBER FRAUD AND INVESTMENT SCAMS BASE ON THE AL-QURAN AND AL-SUNNAH*

Sofwan Hasbullah<sup>1</sup>  
Zulkifli Dahalan<sup>2</sup>  
'Imaaduddin Abdul Halim<sup>3</sup>  
Ahmad Termizi Ab Lateh<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (E-mail: sofwan423@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (Email:zuldahl@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (Email:imaaduddin@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (Email:ahmadtermizi8780@uitm.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 11-3-2022  
**Revised date** : 12-3-2022  
**Accepted date** : 13-4-2022  
**Published date** : 15-6-2022

#### To cite this document:

Hasbullah, S., Dahalan, Z., Abdul Halim, I., & Ab Lateh, A. T. (2022). Menangani Penipuan Siber Dan Pelaburan Palsu Berdasarkan Al-Quran Dan Al-Sunnah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 34 - 43.

**Abstrak:** Harta adalah merupakan nikmat dan amanah Allah SWT kepada manusia agar dapat melaksanakan fungsi penciptaannya iaitu sebagai hamba dan khalifah. Ketika menguruskan harta, pencerobohan ke atas harta pihak lain adalah ditegah dan dalam masa yang sama kecuaihan dalam pengurusan sehingga mengundang pencerobohan oleh pihak lain juga ditegah. Kemudaratan besar yang dihadapi oleh masyarakat hari ini khususnya kalangan umat Islam adalah kehilangan harta benda akibat menjadi mangsa 'scammers' yang berkeliaran atas talian tanpa dapat dikesan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti panduan-panduan menangani pelbagai bentuk penipuan siber dan pelaburan palsu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Dapatan data dianalisis secara sistematik menggunakan penulisan teknik analisis kandungan. Dapatan kajian mendedahkan empat panduan utama yang perlu disebarluaskan dalam kalangan masyarakat khususnya umat Islam yang menunjukkan bahawa berusaha mengelakkan diri daripada ditipu adalah satu tanggungjawab keagamaan.

**Kata Kunci:** Penipuan Siber, Pelaburan Palsu, Panduan al-Quran dan al-Sunnah

**Abstract:** Wealth is a blessing and trust of Allah SWT to human beings enabling them to perform their duties, namely as Allahs' servants and caliphs. In managing wealth, encroachment on the property of other parties is prohibited and at the same time negligence in management so as to invite encroachment by other parties is also prohibited. The great harm faced by society today, especially among the muslims, is the loss of property as a result of being victims of 'scammers' roaming online untraceable. The objective of this study is to identify the

*guidelines for dealing with various forms of cyber fraud and investment scams based on the Quran and Sunnah. Data findings were analyzed systematically using content analysis techniques. The findings of the study revealed four main guidelines that need to be disseminated among the community, especially the muslims, which indicate that trying to avoid from being deceived is a religious responsibility.*

**Keywords:** *Cyber Fraud, Investment Scams, Quran and Sunnah Guide*

---

## **Pendahuluan**

Harta adalah merupakan amanah Allah SWT kepada manusia untuk digunakan bagi keperluan hidup. Konsep pemilikan dalam bentuk amanah ini menuntut manusia untuk menggunakan harta sesuai dengan tatacara yang ditentukan oleh Allah sebagai pemilik sebenar harta itu. Maka manusia perlu menguruskan harta yang diterimanya sebaik mungkin kerana suatu masa nanti setiap perbelanjaan atau penggunaan harta yang dilakukannya perlu diperincikan di hadapan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda: *“Dua kaki seorang hamba tidak akan bergerak (pada hari kiamat) sehingga dia ditanya tentang umurnya, kemana dihabiskan, tentang ilmunya apakah yang telah dilakukan dengan ilmunya, tentang hartanya dari mana diperolehi dan kemana dibelanjakan dan tentang tubuh badannya untuk apa digunakannya.”* (Riwayat al-Tirmizi, Hadis no. 2417)

Menurut Imam al-Ghazali, syariat diturunkan bertujuan menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta yang merupakan kepentingan daruriyyat dalam kehidupan manusia (Soleh, 2008). Kelima-lima perkara itu wajib dijaga dan dipelihara sebaik-baiknya dari sebarang bentuk kerosakan. Dalam soal penjagaan harta, kita ditegah mencero boh harta pihak lain. Dalam masa yang sama kita juga wajib berusaha mengelakkan diri daripada terjebak dengan situasi yang membawa kesan buruk terhadap pemilikan harta termasuk kehilangan harta akibat penipuan dan sebagainya. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”* (Surah al-Baqarah, 1:195)

Ayat di atas bermaksud jika umat Islam tidak melakukan infaq fisabilillah hingga menyebabkan kelengkapan jihad seperti kenderaan, persenjataan dan sebagainya tidak dapat disediakan maka mereka seolah-olah mendedahkan diri mereka dengan kebinasaan kerana berperang tanpa persediaan (Ibnu Kathir, 1997). Ini bermakna, dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan umat Islam agar tidak membiarkan diri terkena mudarat atau bahaya tanpa mengambil sebarang sebab atau ikhtiar untuk menghindarinya (Al-Bakri, 2020).

Kemudaratan besar yang dihadapi oleh masyarakat hari ini khususnya kalangan umat Islam adalah kehilangan harta benda akibat menjadi mangsa pelbagai bentuk ‘scammers’ yang berkeliaran atas talian tanpa dapat dikesan. Ada pula yang begitu teruja dengan janji-janji keuntungan besar dalam pelaburan namun akhirnya terjebak menjadi mangsa pelaburan palsu. Ada yang kehilangan keseluruhan simpanan dan ada yang terpaksa menggadai seluruh harta benda untuk menampung kerugian. Kehilangan harta ini kemudian memberi kesan pula kepada institusi kekeluargaan hingga berlaku krisis antara anggota keluarga, ada yang kehilangan jawatan dan pelbagai kesan buruk yang lain.

Bagi menangani permasalahan ini, kita perlu kembali kepada sabda Rasulullah SAW: “*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur’an) dan sunnah Nabi-Nya (Sunnah Nabi SAW).*” (Riwayat Malik, Hadis no. 1594). Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti dan menganalisis ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis yang boleh dijadikan dasar dalam menangani faktor-faktor yang mendorong masyarakat khususnya umat Islam begitu mudah terdedah kepada kegiatan penipuan siber dan pelaburan palsu.

### **Pernyataan Masalah**

Dewasa ini kita dapati begitu banyak kes kerugian akibat kecuaiian dalam pengurusan harta sehingga begitu mudah terjebak dengan penipuan siber dan juga pelaburan palsu di Malaysia. Kecuaiian mendorong mangsa tidak meyamak terlebih dahulu sesuatu maklumat walaupun ianya secara mudah dikesan sebagai tidak menasabah menyebabkan ramai menjadi mangsa penipuan. (Rahmat Abu Nong, Google Meet, 7 Januari, 2022).

Sepanjang Januari hingga 31 Oktober 2019 sebanyak 9,686 kes penipuan siber dan multimedia direkodkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) melibatkan nilai lebih RM400 juta (Shamsuddin, 2019). Bagi kes penipuan *Love Scam* sahaja peningkatan kerugian yang mendadak kepada mangsa iaitu sebanyak RM40.9 juta (2012), RM80.3 juta (2013), RM816 juta (2014) dan RM1.09 bilion (2015) (Alavi & Soood, 2018). Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pula mendedahkan sejumlah 67,552 kes penipuan scam membabitkan kerugian bernilai RM2.23 bilion dilaporkan sejak 2017 sehingga 20 Jun 2021. Berdasarkan kepada jumlah itu, ia bermakna seorang warganegara ditipu bagi setiap 30 minit (Bernama, 2021). Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah antara agensi kerajaan yang kerap digunakan namanya oleh scammer. Akhbar Berita Harian melaporkan seorang peniaga menjadi mangsa Macau Scam hingga kehilangan wang sebanyak RM80,000. Mangsa diperangkap dan diugut hingga akhirnya memindahkan ke akaun yang diberikan (Zulkifli, 2021).

Menurut laporan The Straits Times Singapura pada 27 Mac 2016, dalam kalangan negara Asia, Malaysia adalah negara paling teruk terjejas akibat penipuan internet diikuti Thailand dan Singapura. Lebih menyedikan lagi apabila kajian menunjukkan kebanyakan mangsa penipuan siber dalam bentuk *Love Scam* adalah berbangsa Melayu (Alavi & Soood, 2018).

Badua (2020) menyatakan bahawa keinginan untuk menambah pendapatan adalah faktor paling dominan menyebabkan seseorang itu terdedah untuk menjadi mangsa pelaburan palsu. Faktor ini dikuatkan lagi dengan kos sara hidup yang tinggi serta penerangan atau testimoni “para pelabur” yang telah berjaya mendapat pulangan besar dalam tempoh yang singkat dan diikuti dengan pengakhiran yang memusnahkan iaitu kecuaiian dan sikap melulu mangsa dalam transaksi pelaburan. Akhirnya mangsa membuat “pelaburan” berkali-kali dengan jumlah yang besar kepada orang yang tidak dikenali.

Jika ditelusuri kepada kajian-kajian sebelum ini, terdapat pelbagai kajian yang membahaskan bentuk-bentuk penipuan siber dan pelaburan palsu serta faktor mendorong seseorang itu terjebak menjadi mangsa seperti kajian oleh Badua (2020), Shaari et al. (2019), Alavi & Soood (2018), Kieffer & Mottola (2017), Raj et al. (2016) dan P,uram et al (2011). Asyraf Ahmad Termimi et al. (2013) pula membahaskan pengelasan jenayah siber dalam konteks sistem perundangan Islam. Nurul 'Afifah @ Auji Binti Arashid (n.d.) dalam tesis yang bertajuk *Jenayah Siber Menurut Perspektif Islam : Punca Dan Akibat telah mengemukakan beberapa*

kaedah menangani jenayah siber dalam kalangan belia di Brunai Darussalam. Namun kaedah penyelesaian masalah itu adalah berdasarkan maklumbalas atau cadangan daripada para respondennya. Penelitian terhadap kajian literatur di atas menunjukkan masih belum ada satu kajian secara khusus menganalisis pengajaran daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai kaedah menangani penipuan siber dan pelaburan palsu yang semakin membarah dalam masyarakat kita hari ini terutamanya dalam kalangan umat Islam.

### **Metodologi Kajian**

Kaedah penyelidikan dalam kajian ini dibahagikan dua tahap. Tahap pertama ialah kaedah pengumpulan data dan tahap kedua ialah kaedah penganalisan data. Kaedah penyelidikan ini berbentuk kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian teks. Seterusnya untuk kaedah penganalisan data, kajian ini lebih berbentuk kualitatif. Penyelidikan kualitatif kerap didefinisikan sebagai kajian yang tidak melibatkan nombor atau statistik (McLeod, 1997). Menerusi penyelidikan kualitatif, pengkaji membuat penelitian secara langsung terhadap bahan kajian dan berusaha mendapat pemahaman yang mendalam mengenainya di samping menterjemah dan mentafsir kutipan data yang diperolehi (Noraini, 2001). Kajian ini akan memahami dan menghuraikan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang boleh dikaitkan dengan kaedah menangani penipuan khususnya.

### **Kaedah Perpustakaan**

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Kaedah ini mengumpulkan data-data secara dokumentasi. Segala maklumat yang diperolehi digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji agar kefahaman dari aspek teoritikal terhadap kajian yang dijalankan dapat dikuasai dengan baik. Kaedah perpustakaan ini bertujuan untuk mendapatkan data sekunder untuk kajian ini. Sumber-sumber untuk data ini boleh diperolehi melalui sumber-sumber ilmiah seperti tesis, disertasi, artikel jurnal, buku-buku dan kertas-kertas seminar, keratan akhbar serta laman sesawang.

### **Penganalisan Data**

Data yang diperolehi dari kajian perpustakaan akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dalam kajian ini, analisis kandungan akan dilakukan melalui dua cara iaitu induktif dan deduktif.

#### **Kaedah induktif.**

Pendekatan atau kaedah induktif ialah satu proses yang logik untuk memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik. Dalam pendekatan induktif penyelidik bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian dari sebuah penyelidikan dan berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoritikal daripada hasil tersebut (Sabitha, 2005). Penganalisan data melalui kaedah induktif merupakan proses mengumpul dan mentafsir data atau maklumat, kemudiannya selepas penafsiran data selesai, data ini akan disimpulkan. Kaedah analisis seumpama ini dilaksanakan terhadap data-data yang dikumpulkan berkenaan penafsiran ayat-ayat menangani penipuan dalam al-Quran dan hadis.

#### **Kaedah deduktif.**

Pendekatan atau kaedah deduktif pula menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan umum untuk menghasilkan yang khusus iaitu bermula dari persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus. Kaedah deduktif yang digunakan dalam kajian ini ialah untuk menganalisis data daripada dapatan data melalui sorotan perpustakaan yang akan dilakukan.

Seterusnya data yang diperolehi melalui sorotan perpustakaan ini akan dianalisis secara teliti untuk menghasilkan maklumat yang lebih lengkap dan terperinci. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menyatakan secara khusus kesimpulan tafsiran ayat al-Quran dan hadis berkaitan kaedah menangani penipuan khususnya penipuan siber dan pelaburan palsu seterusnya menghuraikannya secara terperinci.

### **Jangan Terlibat Dalam Sesuatu Yang Tidak Difahami**

Ajaran Islam sangat mementingkan ilmu sebelum melakukan sesuatu perkara. Agar perlakuan atau tindakan berlangsung atas kefahaman yang jelas serta meyakinkan. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungan jawabnya”* (Surah al-Isra, 17:36)

Mengenai ayat di atas, Qatadah mengatakan janganlah kamu mengatakan kamu melihat atau mendengar sesuatu sedangkan kamu tidak melihat atau mendengarnya. Begitu juga jangan kamu mengatakan kamu mengetahui sesuatu sedangkan kamu tidak mengetahuinya kerana semua itu nanti akan ditanya atau dipersoalkan oleh Allah SWT (Al-Tabari, n.d.). Syed Qutb (Hawwa, 2003) dan al-Zuhaili (1991) juga memberikan huraian yang sama bahawa seseorang itu tidak boleh berpegang kepada sesuatu yang dia tidak mempunyai pengetahuan tentangnya, atau mengikuti sesuatu yang tidak diketahui secara pasti. Sebaliknya setiap perkara dalam setiap urusan perlu dipastikan kesahihannya.

Jelas Allah SWT menegah seseorang itu daripada melibatkan diri dalam sesuatu perkara yang tidak difahaminya ataupun sesuatu yang dia tiada ilmu mengenainya. Begitu juga tidak boleh membuat keputusan mengenai apa sahaja perkara melainkan setelah mempunyai maklumat yang lengkap dan benar mengenainya. Pada bahagian akhir ayat, terdapat peringatan tegas bahawa sebarang penglibatan, perbuatan atau keputusan dan sebagainya yang dilakukan tanpa ilmu akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT di hari akhirat nanti. Rasulullah SAW juga menjelaskan mengenai kebertanggungjawaban seseorang di hadapan Allah SWT ke atas setiap harta yang dimilikinya sebagaimana hadis riwayat Imam Tirmizi yang telah dinyatakan di atas<sup>1</sup>.

Bank Negara Malaysia dan FOMCA dalam Buletin Ringgit turut menekankan bahawa tanpa ilmu dan maklumat seseorang itu akan mudah tertipu dan terus melabur tanpa usul periksa (Raj et al., 2016). Ramai yang melibatkan diri dalam pelbagai urusan kewangan termasuk pelaburan tanpa ilmu dan maklumat yang sahih hingga akhirnya terjebak menjadi mangsa penipuan yang melibatkan kehilangan yang besar. Perbuatan melibatkan diri tanpa ilmu ini adalah satu bentuk kecuaiian dalam penjagaan dan pengurusan harta kurniaan Allah SWT yang juga merupakan pelanggaran terhadap salah satu maqasid syariah iaitu menjaga harta. Sesungguhnya menjadi mangsa ‘scammer’ akibat kecuaiian ini adalah kesalahan yang dipandang berat di sisi Allah SWT sekalipun dia hanyalah mangsa yang telah mengalami kerugian yang besar. Namun di sisi agama, dia menjadi mangsa akibat kecuaiian dan sengaja mendedahkan diri kepada pemangsa. Sepatutnya urusan kehartaan dilakukan berasaskan ilmu dan maklumat yang sahih ataupun menyerahkan pengurusan harta itu kepada pihak yang berkepakaran yang sah di sisi undang-undang.

---

<sup>1</sup>Rasulullah SAW bersabda: *“Dua kaki seorang hamba tidak akan bergerak (pada hari kiamat) sehingga dia ditanya tentang umurnya, kemana dihabiskan, tentang ilmunya apakah yang telah dilakukan dengan ilmunya, tentang hartanya dari mana diperolehi dan kemana dibelanjakan dan tentang tubuh badannya untuk apa digunakannya”*.

Justeru, pengguna media sosial khususnya hendaklah sentiasa peka dengan menambah ilmu kepenggunaan untuk menghindarkan diri daripada menjadi mangsa penipuan. Terdapat kemudahan bagi mengesan nombor telefon scammer boleh diguna pakai seperti 'Truecaller', 'mule' dan seumpamanya (Rahmat Abu Nong, Google Meet, 7 Januari 2022). Selaras dengan tuntutan Islam, PDRM dan SKMM adalah antara agensi yang sepatutnya dirujuk agar kita terpelihara daripada sebarang bentuk penipuan.

### **Jauhi Sikap Tergesa-Gesa**

Sikap tergesa-gesa adalah salah satu sifat buruk yang akan mendatangkan pelbagai keburukan dan kerosakan dalam kehidupan seseorang sama ada di dunia mahupun di akhirat. Rasulullah SAW bersabda: "*Ketenangan datangnya dari Allah, sedangkan tergesa-gesa datangnya dari syaitan.*" (Riwayat al-Baihaqi, Hadis no. 20270)

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW secara terang menyatakan sikap tergesa-gesa adalah daripada syaitan. Menurut Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah (2010), sikap tergesa-gesa termasuk perbuatan syaitan kerana ia menghalang seseorang itu daripada kebaikan serta mendatangkan pelbagai keburukan yang penghujungnya adalah penyesalan. Sikap ini menyebabkan seseorang itu mudah gelabah, kurang berfikir dan tidak berhati-hati dalam bertindak. Hilang ketenangan dan kewibawaan. Orang sebegini temannya nanti adalah sebuah penyesalan. Abu Hatim pula menyatakan bahawa orang yang rugi adalah orang yang rugi dari sikap tenang. Orang yang tergesa-gesa itu selalu melakukan kesalahan sebaliknya orang yang teliti selalu melakukan hal yang benar (Ibnu Hibban, 2010). Zu al-Nun al-Misri<sup>2</sup> juga menyatakan mengatakan sikap tergesa-gesa akan membuahkan penyesalan (Al-Saqqaf, 2012).

Jelaslah bahawa Islam amat menegah sikap tergesa-gesa dalam sebarang urusan kerana ia hanya membawa keburukan dalam kehidupan. Dalam urusan mengerjakan kebaikan pun sikap ini juga ditegah oleh Islam. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "*Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) al-Quran karena hendak cepat-cepat (menguasai)nya*" (Surah al-Qiyamah, 75:16). Dalam ayat ini Allah SWT menegah perbuatan membaca al-Quran secara terburu-buru atau tergesa-gesa sedangkan membaca al-Quran adalah ibadat yang sangat disukai oleh Allah SWT. Ketika beribadat pun sikap tergesa-gesa ditegah maka sudah tentu ia sangat ditegah dalam urusan kehartaan yang merupakan penjagaan keselamatan dan kesejahteraan salah satu maqasid syariah.

Berdasarkan hadis riwayat al-Baihaqi di atas, Rasulullah SAW menganjurkan sikap tenang dalam setiap perkara termasuklah dalam urusan kehartaan agar mempunyai ruang masa untuk melakukan semakan atau pengesahan sebagaimana yang dituntut oleh syarak. Ketenangan akan melahirkan kebijaksanaan dalam keputusan dan tindakan sebagaimana disebutkan oleh Imam Abu Hatim di atas.

Polis DiRaja Malaysia juga telah berulang kali mengingatkan masyarakat agar tidak panik ketika berhadapan situasi kemungkinan sedang menjadi sasaran 'scammers'. Sebagaimana dilaporkan dalam akhbar Sinar Harian pada 23 Februari 2022, Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat menyeru masyarakat supaya mengambil sedikit masa untuk menentukan panggilan atau e-mel yang diterima dan membuat semakan. Beliau juga mengingatkan agar

---

<sup>2</sup> Zu al-Nun Al-Misri adalah seorang tokoh sufi besar di abad ketiga Hijriah. Nama penuh beliau adalah Abu Al-Faidh Tsauban bin Ibrahim Al-Mishri.

tidak mudah terpengaruh atau tergoda dengan maklumat yang dikhuatiri palsu dalam media sosial (Muhammad Amnan Hibrahim, 2022).

### **Bertanya Sebelum Membuat Keputusan**

Sesuatu maklumat dapat disahkan dengan merujuk kepada pihak yang berautoriti bagi permasalahan berkaitan. Islam menganjurkan supaya mengemukakan pertanyaan kepada golongan berilmu jika meragui sesuatu maklumat. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.”* (Surah al-Nahl, 16:43) Perintah agar bertanya kepada pihak yang lebih mengetahui agar mendapat penjelasan yang benar dan tepat ini diulang oleh Allah SWT dalam surah al-Anbiya (21:7).

Ayat-ayat di atas secara jelas Allah SWT menerangkan bahawa pertanyaan adalah merupakan kaedah untuk mendapat penjelasan terhadap sesuatu yang diragui. Hamka (1982) menjelaskan bahawa dalam konteks semasa, ahlu al-zikr adalah ahli peringatan, yang berpengetahuan lebih luas. Umumnya Allah SWT meminta orang yang tidak tahu bertanya kepada yang lebih tahu kerana ilmu pengetahuan bersifat umum, berfaedah untuk mencari kebenaran. Ayat ini mendorong untuk bertanya kepada yang lebih pandai supaya kita juga turut pandai. Adalah tidak tepat untuk menurut sahaja sesuatu tanpa mempertimbangkan kebenarannya. Al-Zuhaili (1991) juga memberikan penerangan yang sama bahawa orang awam perlu bertanya kepada pihak-pihak yang berkepakaran untuk menjelaskan perkara-perkara yang tidak diketahui atau tidak jelas.

Anjuran bertanya, menyelidik untuk memastikan kebenaran sesuatu adalah antara kaedah anjuran Islam. Merujuk kepada seseorang atau sesebuah agensi adalah antara metod untuk mengesan sebarang bentuk penipuan. Pelbagai tipu muslihat digunakan untuk mempengaruhi mangsa. Bergerak seiring dengan perkembangan semasa, teknologi terkini digunakan sebagai medium mendekati mangsa. Modus operandinya, menarik simpati, menjanjikan laba, mengugut dan seumpamanya. Bagi yang naif, dengan mudah akan terpengaruh dan seterusnya menjadi mangsa. Orang Melayu pernah diingatkan melalui ungkapan peribahasa, “malu bertanya sesat jalan, malu berdayung perahu hanyut”.

Kaedah Islam secara jelas mendidik penganutnya agar membuat kajian, pertanyaan, rujukan dalam mempertimbangkan sesuatu perkara sebelum membuat keputusan. Mengikut sesuatu secara membuta tuli sudah tentulah bersalahan dengan etika kehidupan masyarakat Islam itu sendiri. Ia membuka ruang kepada seseorang individu atau kumpulan untuk dimanipulasi oleh pihak lain. Malas bertanya, menyelidik adalah satu penyakit dan perlu dihindari. Ia menjadi punca penyebab seseorang ditindas.

Orang ramai dinasihatkan jangan cepat panik dan takut sekiranya dihubungi kononnya oleh pihak berkuasa. Untuk mengelakkan penipuan, pihak polis menasihatkan orang ramai untuk menyemak atau menghubungi melalui aplikasi ‘Semak Mule’ di bawah pengawasan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sekiranya menerima panggilan telefon atau mesej daripada nombor yang tidak dikenali dengan memperkenalkan diri sebagai rakan, matikan telefon terlebih dahulu dan berusaha menghubungi nombor telefon rakan yang sebenar untuk membuat pengesahan dan pertanyaan lanjut. Orang ramai juga dinasihatkan membuat semakan terlebih dahulu terhadap akaun-akaun persendirian sebelum membuat apa-apa bentuk transaksi. Semakan boleh

dilakukan melalui laman sesawang <https://ccid.rmp.gov.my> atau boleh juga menghubungi talian CCID SCAM RESPONSE CENTRE (03-26101599) untuk membuat sebarang pertanyaan mengenai modus operandi kes penipuan atas talian. Maklumat jenayah penipuan atas talian terkini boleh disemak di laman Facebook 'Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police' (Wan Mohd Hasyim, whatsapp, 19 Januari, 2022).

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah agensi yang bertanggungjawab bagi menangani isu jenayah siber di Malaysia. "Klik Dengan Bijak" dan "Consumer Forum of Malaysia" antara platform yang diadakan oleh SKMM bagi menimbulkan kesedaran terhadap jenayah siber. Melalui "Klik Dengan Bijak", SKMM menyediakan team yang bersedia bergerak ke mana-mana agensi bagi memberikan kesedaran ini. Bagi mangsa yang menerima ugutan, mereka hendaklah menghubungi Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

### **Hindari Sifat Tamak**

Mengumpul kekayaan bukan larangan dalam Islam. Semakin kaya seseorang semakin banyak zakat yang boleh dia keluarkan dan semakin ramai manusia yang dapat dibantu. Namun Islam melarang sikap tamak dalam mengumpulkan harta kekayaan hingga mengabaikan prinsip kemanusiaan sejagat. Sikap ini akan mempengaruhi tindakan manusia hinggakan sanggup mengabaikan panduan syarak bagi memenuhi hajatnya. Individu yang tamak sentiasa memikirkan mengenai harta dan mengharapkan usia panjang bagi mengumpul kekayaan.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya), dan (tamaknya mereka kepada hidup itu) melebihi tamak orang-orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun, padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan.*" (Surah al-Baqarah 2: 96)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menyatakan golongan yang tamak terhadap harta lebih teruk daripada musyrikin yang tidak mempunyai kitab panduan. Ini adalah merupakan peringatan buat generasi berikutnya supaya menghindari sifat tamak dan rakus terhadap harta hingga memangsakan diri sendiri serta masyarakat (Hamka, 1982; Ibnu Kathir, 1997). Manusia memang rakus dengan harta, berusaha melalui pelbagai cara untuk mendapatkan harta hingga lupa bahawa harta adalah nikmat dan amanah Allah SWT yang wajib dijaga dan diuruskan sebaik-baiknya.

Rasulullah SAW turut menegur golongan yang tamak dan rakus terhadap harta kekayaan. Kerakusan yang menyebabkan manusia sanggup membelakangkan kehendak syarak dan mudah terpedaya. Sikap tamak manusia itu digambarkan oleh Rasulullah SAW lebih merbahaya daripada serigala lapar di tengah kumpulan kambing. Dia sanggup berbuat apa sahaja bagi mencapai matlamat mengumpul kekayaan. Daripada Ka'ab bin Malik RA, dia berkata, "*Rasulullah SAW bersabda, "Dua ekor serigala lapar yang dilepas ke tengah kumpulan kambing, tidak lebih merosakkan dibanding dengan sifat tamak manusia terhadap harta dan kedudukan yang boleh merosakkan kemuliaan agamanya.*" (Riwayat al-Tirmizi. Hadis no. 2376)

Sifat tamak menyebabkan segala peraturan syarak serta undang-undang sudah tidak dipedulikan demi laba yang dijanjikan. Dengan jumlah keuntungan yang tidak menasabah, ditambah pula kata-kata yang memikat atau penampilan bergaya `orang agama` membuatkan



ramai tertipu dan menjadi mangsa kerana mengimpikan peluang mendapatkan harta lumayan. Mangsa penipuan tidak mengira bangsa dan agama, status kedudukan, di bandar atau luar bandar, malahan golongan profesional antara yang teramai menjadi mangsa. Kebanyakan kes yang dilaporkan kepada SKMM adalah daripada kalangan orang Melayu beragama Islam. Bangsa lain kemungkinan menghadapi masalah yang sama tetapi tidak melaporkannya kepada SKMM. Apabila dikuasai sifat tamak, individu akan mudah terpengaruh untuk menjadi kaya hinggalah mangsa sanggup berulang kali memasukkan wang ke akaun yang diminta. Apabila keadaan sudah parah, barulah bertindak memaklumkan kepada pihak berkuasa (Rahmat Abu Nong, Google Meet, 7 Januari, 2022).

### Kesimpulan

Islam melarang sebarang bentuk pencerohohan ke atas pemilikan harta pihak lain. Dalam masa yang sama Islam juga menegah sebarang bentuk kecuaiian oleh pemilik harta sehingga nikmat dan amanah Allah SWT itu hilang akibat menjadi mangsa penipuan. Hakikatnya kecuaiian itu membawa kepada pelanggaran salah satu objektif utama syariah iaitu menjaga harta. Umat Islam perlu memahami bahawa kefardhuan berhati-hati dalam menguruskan harta adalah setaraf dengan kefardhuan berhati-hati dalam melaksanakan ibadat khusus. Sebagaimana umat Islam begitu serius mempelajari hukum-hakam ibadat khusus, hukum-hakam dalam pengurusan harta juga perlu diperhalusi. Kedua-duanya adalah untuk menegakkan maqasid syariah iaitu menjaga agama dan menjaga harta.

Tanggungjawab menegakkan maqasid menjaga harta ini telah dilaksanakan sebaiknya oleh pihak kerajaan melalui penubuhan institusi-institusi pelaburan patuh syariah yang secara khusus membantu masyarakat awam melaburkan harta. Pelbagai platform juga telah diwujudkan bagi membolehkan masyarakat membuat semakan maklumat agar dapat mengelakkan daripada terjebak dengan penipuan. Tanggungjawab seterusnya adalah di pihak masyarakat atau individu itu sendiri melaksanakan tanggungjawab menguruskan harta sebaiknya sesuai dengan tuntutan syarak.

Menelusuri ayat-ayat al-Quran dan Hadis, terdapat empat panduan utama yang perlu difahami serta dihayati oleh umat Islam agar melaksanakan sebaik-baiknya amanah Allah SWT dalam urusan kehartaan. Panduan-panduan tersebut adalah tidak melibatkan diri dalam urusan yang tidak difahami, menjauhi sikap tergesa-gesa, bertanya kepada pihak yang pakar atau berautoriti dan akhir sekali adalah menghindari sikap tamak.

### Rujukan

- Al-Bakri, Z. (2020). *Takut Allah Atau Takut Covid-19?* AL-BAYAN SIRI 5. <https://zulkifliabakri.com/al-bayan-siri-4-takut-allah-atau-takut-covid-19/>
- Al-Saqqaf, A. B. A. Q. (2012). *Mausu'ah Al-Akhlaq Al-Islamiyyah*. Al-Durar Al-Saniyyah.
- Al-Tabari, M. B. J. (n.d.). *Tafsir al-Tabari*. Dar Tarbiyyah Wa al-Turath: Makkah al-Mukarramah.
- Al-Zuhaili, W. (1991). *Tafsir al-Munir*. Dar al-Fikr:Damsyik.
- Alavi, K., & Soood, M. S. A. (2018). Love Scam Di Selangor: Satu Penerokaan Terhadap Modus Operandi Jenayah Siber Ke Atas Wanita Profesional. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid, 21*, 105–122.
- Asyraf Ahmad Termimi, M., Ikhlas Rosele, M., Azhar Meerangani, K., Azizul Marinsah, S., & Anuar Ramli, M. (2013). Jenayah Siber: Pengelasan Di Antara Al-Jaraim Dan Al-Jina'I Menurut Sistem Perundangan Islam. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*, 539–551. [http://repository.um.edu.my/35703/1/jenayah\\_siber.pdf](http://repository.um.edu.my/35703/1/jenayah_siber.pdf)

- Badua, J. (2020). *The Nature and Victimization of Investment Frauds* (Issue December) [Northwestern University, Philippines]. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.11077.06888>
- Bernama. (2021). *67,552 Kes Scam Dilaporkan Babitkan Kerugian RM2.23 Bilion - SC*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/67552-kes-scam-dilaporkan-babitkan-kerugian-rm223-bilion-sc-331836>
- Hamka, A. M. A. K. A. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Pustaka Panjimas: Jakarta.
- Hawwa, S. (2003). *Al-Asas Fi Al-Tafsir* (6th ed.). Dar Al-Salam: Qaherah.
- Ibnu Al-Qayyim, A. J. (2010). *Al-Ruh*. Dar al-Kitab al-Ilmiyyah: Beirut.
- Ibnu Hibban, M. (2010). *Raudhah al-Uqala' Wa Nuzhah al-Fudhala'*. Dar al-Kitab al-Ilmiyyah:Beirut.
- Ibnu Kathir, A. F. I. (1997). *Tafsir Al-Quran Al-Azim* (Cetakan 1). Dar Ihya' al-Turath al-Arabi:Beirut.
- Kieffer, C. N., & Mottola, G. R. (2017). Understanding and combating investment fraud. In *Financial Decision Making and Retirement Security in an Aging World* (Issue 2016, pp. 185–212). Oxford University Press.
- McLeod, J. (1997). *Melaksanakan Penyelidikan Kaunseling* (terj.). Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Muhammad Amnan Hibrahim. (2022). *Usah panik berdepan 'scammer.'* <https://www.sinarharian.com.my/article/189367/BERITA/Semasa/Usah-panik-berdepan-scammer>
- Noraini, M. S. (2001). Etika Dan Penyelidikan Kualitatif. In Y. Marohaini (Ed.), *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*.
- Nurul 'Afifah @ Auji Binti Arashid. (n.d.). *Jenayah Siber Menurut Perspektif Islam : Punca Dan Akibat* [Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB)]. [https://www.academia.edu/37594259/Jenayah\\_Siber\\_Menurut\\_Perspektif\\_Islam\\_Punca\\_dan\\_Akibat](https://www.academia.edu/37594259/Jenayah_Siber_Menurut_Perspektif_Islam_Punca_dan_Akibat)
- Puram, P. K., Kaparathi, M., Krishna, A., & Rayaprolu, H. (2011). Online Scams: Taking the Fun Out of the Internet. *Indian Journal of Computer Science and Engineering (IJCSSE)*, 2(4), 559–565.
- Raj, P. S., Zakaria, S. R. binti, Singh, M., & Ahmad, S. N. (2016, September). Melabur Dalam Skim Yang Tidak Dilesenkan. *Buletin RINGGIT*.
- Sabitha, M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall: Selangor.
- Shaari, A. H., Kamaluddin, M. R., Paizi Fauzi, W. F., & Mohd, M. (2019). Online-dating romance scam in Malaysia: An analysis of online conversations between scammers and victims. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19(1), 97–115. <https://doi.org/10.17576/gema-2019-1901-06>
- Shamsuddin, M. A. (2019). Jenayah Siber Membimbangkan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/624248/jenayah-siber-membimbangkan>
- Soleh, A. A. (2008). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah 'Inda al-Imam al-Ghazali* [Syabakah al-Alukah]. <https://www.alukah.net/sharia/0/118309/>
- Zulkifli, Z. (2021). Peniaga kerugian RM80,000 ditipu “LHDN.” *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/09/870198/peniaga-kerugian-rm80000-ditipu-lhdn>